

CNS3074

R GB 17-09 00192 BA196

bah

HUBUNGAN SABAH DAN PUSAT BOLEH DIPERBAIKI

Mahathir - Pairin

TAWAU, 17 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hubungan antara Sabah dan Kerajaan Pusat boleh diperbaiki jika ada pemimpin lain menggantikan Ketua Menteri Datuk Pairin Kitingan asalkan pemimpin itu mempunyai pandangan dan perasaan kemalaysiaan.

Perdana Menteri berkata: +Itu boleh berlaku, tetapi jika ada sesiapa menggantikan Pairin, dia mesti berpandangan Malaysia dan bukannya berpandangan sempit seperti yang dicanang oleh Pairin:+

Apabila ditanya sama ada beliau mempunyai sesiapa dalam fiksiannya yang layak menggantikan Pairin, beliau berkata: +Saya tidak tahu. Terserahlah kepada rakyat Sabah untuk menentukannya.+

Dr Mahathir berkata demikian di Lapangan Terbang Tawau di sini hari ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas menghadiri perhimpunan pemuda Barisan Nasional (BN) di sini semalam.

Beliau ditanya sama ada hubungan Sabah dan Kerajaan Pusat boleh diperbaiki jika ada pemimpin lain menerajui Parti Bersatu Sabah (PBS).

Hubungan kerajaan negeri Sabah dan Pusat menjadi renggang ekoran tindakan Pairin membawa PBS keluar daripada BN menjelang pilihan raya umum 1990 yang disifatkan oleh Dr Mahathir sebagai tindakan +menikam dari belakang.+ -- Lagi.

▼17/09/12-14MST

R GB 17-09 00128 BA197

bah

Mahathir - Pairin 2 Tawau

Dr Mahathir juga berkata, walaupun golongan tertentu di negeri ini sedar bahawa Sabah tidak mungkin dibawa keluar dari Malaysia, mereka masih berusaha mengasingkan Sabah dari negeri-negeri lain.

Katanya, mereka berbuat demikian dengan harapan agar +dari kolam yang kecil ini, mereka boleh menjadi orang besar.+

Menurutnya, kerajaan negeri Sabah di bawah pimpinan PBS sengaja menyebarkan propaganda di kalangan rakyat negeri ini dengan membangkitkan sentimen anti-Semenanjung dan juga anti-Sarawak.

Mengenai sambutan pada perhimpunan raksasa semalam, beliau berkata, ia begitu menggalakkan dan mereka yang hadir menunjukkan semangat dan harapan yang tinggi terhadap BN.

Beliau yakin penduduk di Tawau khasnya mahu menyokong BN kerana mereka sedar BN hanya berhasrat menolong membangunkan Sabah. -- Lagi.

▼17/09/12-15MST

R GB 17-09 00127 BA198

bah

Mahathir - Pairin 3 Tawau

Mengenai alasan Pairin bahawa langkah menguatkuasakan semula penggunaan pasport bagi rakyat negeri lain untuk memasuki Sabah adalah kerana keselamatan, Perdana Menteri berkata, soal keselamatan adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat.

Katanya, kerajaan negeri tidak ada kena-mengena dengan soal itu kerana mereka tidak mengendalikan urusan polis dan tentera.

+Soal keselamatan adalah tanggungjawab Pusat kerana kita mempunyai segala alat... segala anggota untuk menjaga kepentingan keselamatan di Sabah.

+Nampaknya dia sengaja nak bangkitkan sentimen bahawa Sabah adalah untuk orang Sabah sahaja,+ tambah beliau.

Ketika ditanya sama ada pihak berkuasa di Kuala Lumpur ada menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan sebuah parti baru di Sabah, beliau berkata, tidak ada sebarang permohonan diterima setakat ini. -- Lagi.

▼17/09/12-19MST

R GB 17-09 00148 BA199

bah

Mahathir - Pairin 4 Tawau

+Saya tidak tahu mengenai perkata itu. Kami belum menerima apa-apa permohonan. Mungkin pihak akhbar lebih mengetahui perkara itu,+ katanya.

Sebuah akhbar tempatan semalam melaporkan bahawa parti baru yang dikenali sebagai Parti Kemajuan Rakyat (PKR) akan dilancarkan di Tawau semalam dengan jawatankuasa penajanya terdiri daripada bekas anggota PBS dan sebuah komponen BN Sabah iaitu Angkatan Keadilan Rakyat (Akar).

Mengenai pengganti Tan Sri Elyas Omar sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, Perdana Menteri berkata, beliau belum menerima sebarang senarai nama daripada Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, seperti yang dilaporkan.

Bagaimanapun, katanya, tidak ada sebarang syarat yang menetapkan bahawa Datuk Bandar baru itu ialah anak jati Selangor.

+Perlantikan anak Selangor sebagai Datuk Bandar bukanlah satu syarat cuma kalau bolehlah... kalau tiada calon terpaksa jugalah (lantik bukan anak Selangor),+ katanya. -- Lagi.

▼17/09/12-20MST

R GB 17-09 00086 BA200

bah

Mahathir - Pairin 5 (Akhir) Tawau

Mengenai sepkulasi bahawa Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) Tan Sri Abu Bakar Mohd Noor akan menjadi Datuk Bandar baru, Dr Mahathir secara berseloroh menjawab +mungkin dia (Tan Sri Abu Bakar) boleh memungut lebih banyak cukai.+

Hadir sama untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah Tun Datu Mustapha Datu Harun. -- Bernama.

▼17/09/12-20MST